

01 AUG 2002

LID-Mahathir (Strategi) (Bergambar)/I

BELUM ADA STRATEGI KENAL PASTI PUNCA KEGANASAN

LANGKAWI, 1 Ogos (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata belum ada strategi digubal untuk memerangi keganasan dengan mengambil kira punca yang mencetuskan tindakan keganasan.

"Kita mesti menghapuskan punca-puncanya walaupun tidak logik dan tidak munasabah jika kita mahu memenangi hati dan fikiran para penyokong dan mereka yang bersimpati supaya keganasan tidak lagi wujud," kata Perdana Menteri.

"Saya bimbang kerana ini tidak dilakukan," kata Dr Mahathir semasa merasmikan Dialog Antarabangsa Langkawi Global 2002 di Pusat Pameran Antarabangsa Mahsuri di sini malam ini. Global 2002 menggabungkan Dialog Antarabangsa Selatan Afrika (SAID) dan Dialog Antarabangsa Timur Afrika (EAID).

Malah, kata Dr Mahathir, perkara sebaliknya berlaku apabila serangan ganas dilakukan secara sembarangan bagi menangani keganasan.

Ini menyebabkan tercetus lebih banyak kemarahan dan keadaan terdesak dan lebih ramai sedia membalas tindakan ganas itu.

"Seluruh dunia, terutama negara yang paling terdedah kepada serangan pengganas, kini hidup dalam ketakutan, membelanjakan berbilion dollar secara sia-sia untuk pertahanan dan dalam proses itu menghalang pemulihan ekonomi."

Dr Mahathir berkata apabila pengganas sedia untuk mengorbankan diri mereka sendiri, tidak ada cara mereka dapat dihalang daripada melakukannya.

Serangan 11 Sept telah mengejutkan dunia, dan ramai yang menganggap bahawa keganasan merupakan masalah negara lain, kini menyedari tiada negara yang terkecuali daripada serangan pengganas.

"Setiap orang kini menyedari pentingnya kerjasama untuk menangani masalah ini.

"Malangnya kita tidak bersetuju mengenai cara menangani pengganas dan keganasan," katanya.

"Ada yang menganggap bahawa apa yang kita perlukan sekarang adalah untuk mengisytiharkan peperangan terhadap pengganas menerusi operasi ketenteraan," katanya.

"Malangnya memerangi pengganas tidak seperti berperang secara konvensional atau perang saudara. Dalam peperangan konvensional, musuhnya adalah sebuah negara atau satu gabungan negara atau kumpulan pemberontak," katanya.

Dengan wujudnya keganasan, Dr Mahathir berkata tidak ada sesebuah negara pun yang dapat dikenal pasti sebagai musuh yang sebenarnya.

Malah, pengganas mungkin bersembunyi di mana-mana sahaja atau bergaul bersama rakyat sesebuah negara yang memerangi keganasan.

Banyak di kalangan pengganas mungkin terbunuh atau ditahan tetapi tidak ada jaminan golongan itu tidak lagi wujud atau menghalang pengambilan anggota baru.

-- BERNAMA

AZZ SHY TS LAT